



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

Sektor Pengurusan Sekolah

Aras 2, Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

Jalan Punai Tanah, Likas

88450 Kota Kinabalu, Sabah

Tel : 088-537010/537108

Fax : 088-310721

Laman Web : jpnsabah.moe.gov.my

E-mel : sps.jpnsabah@moe.gov.my

Rujukan : JPNSBH.SPS.600-11/2/1 (022)

Tarikh : 30 Mac 2021

Puan Fatimah Binti Mustafa

Pengarah Urusan

Fatihah Education Consultants

No. 5, Medan Niaga Ayer Baloi

Jalan Benut Jelutong, Ayer Baloi,

82100 Johor.

Tuan,

**KELULUSAN KEBENARAN MENGANJURKAN PERTANDINGAN
PENGATURCARAAN KOMPUTER (PPKOMP) DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH
DAN MENENGAH DI SABAH**

Merujuk surat tuan yang bertarikh 01 Mac 2021 Rujukan: PPKomp/21/13 tentang perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah menerima dan meneliti permohonan untuk mengadakan pertandingan pengaturcaraan komputer (PPKomp) sekolah-sekolah rendah dan menengah di Sabah daripada pihak tuan. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam program kokurikulum di negara ini.

3. Berdasarkan situasi penularan *Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)*, Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu 2.0 yang dikeluarkan sebagai panduan kepada pihak sekolah menjelaskan bahawa pelibatan pihak luar yang bukan warga Kementerian Pendidikan Malaysia adalah **tidak dibenarkan memasuki kawasan premis sekolah** dan terlibat dalam sebarang aktiviti termasuk akademik/sukan/kokurikulum/kesenian secara bersemuka dan berkumpul serta melibatkan sentuhan **sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan**. Larangan ini adalah bagi memastikan keselamatan serta kesihatan guru dan murid berada dalam keadaan terjamin.

4. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah mengambil maklum akan permohonan tuan dan **tidak ada halangan** kepada pihak tuan **untuk berurusan dengan pihak pentadbir di sekolah** bagi membuat hebahan/promosi berhubung program berkenaan. Kelulusan ini **terhad untuk urusan dengan pentadbir di luar kawasan sekolah** bagi hal-hal yang berkaitan tanpa sebarang unsur paksaan dan implikasi kewangan kepada mana-mana pihak.

...2/-

**KELULUSAN KEBENARAN MENGANJURKAN PERTANDINGAN
PENGATURCARAAN KOMPUTER (PPKOMP) DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH
DAN MENENGAH DI SABAH**

5. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tidak ada halangan** bagi murid menyertai Pertandingan Pengaturcaraan komputer (PPKOMP) 2021 yang akan **dijalankan secara atas talian** pada **1 Mac 2021 hingga 17 Ogos 2021** sahaja selaras Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1998, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 5.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang berkenaan;
- 5.2 Surat tidak ada halangan ini diluluskan dengan syarat: **KELULUSAN INI BERGANTUNG KEPADA PERTIMBANGAN PENTADBIR SEKOLAH;**
- 5.3 Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada Pengetua/Guru Besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 5.4 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;
- 5.5 Walau bagaimanapun, bagi tujuan mengelakkan berlaku jangkitan *Covid-19* di sekolah SOP berikut hendaklah dipatuhi sepenuhnya:
 - 5.5.1 Setiap ahli rombongan hendaklah menjalani ujian swab saringan *Covid-19* dan hanya yang negatif sahaja dibenarkan memasuki premis sekolah dalam tempoh tiga hari dari tarikh ujian;
 - 5.5.2 Ahli rombongan tidak melebihi empat orang; dan
 - 5.5.3 Semua SOP yang sedang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya semasa berada di premis sekolah.
- 5.6 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 5.7 Surat kebenaran/tidak ada halangan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;

**KELULUSAN KEBENARAN MENGANJURKAN PERTANDINGAN
PENGATURCARAAN KOMPUTER (PPKOMP) DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH
DAN MENENGAH DI SABAH**

- 5.8 Pihak sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan aktiviti yang dirancang/dilaksanakan;
- 5.9 Penyertaan murid/pegawai/guru hendaklah **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu/proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau pelaksanaan aktiviti sekolah mereka;
- 5.10 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 5.11 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah yang terlibat;
- 5.12 Sekiranya sekolah yang terlibat mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 5.13 Sekiranya laporan diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana *platform* media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah;
- 5.14 Tuan dikehendaki mengemelkan senaskah laporan lengkap dalam bentuk *softcopy* berformat pdf ke **usjk.sps.jpns@gmail.com** dalam tempoh 30 hari setelah selesai aktiviti;
- 5.15 Syarat kelulusan adalah tertakluk kepada pematuan segala garis panduan dan *Standard Operating Procedure* (SOP) Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)/Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang terkini; dan
- 5.16 Jabatan Pendidikan Negeri Sabah berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran/tiada halangan sekiranya pihak pemohon gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuat kuasa.

Rujukan : JPNSBH.SPS.600-11/2/1 (022)

Tarikh : 30 Mac 2021

**KELULUSAN KEBENARAN MENGANJURKAN PERTANDINGAN
PENGATURCARAAN KOMPUTER (PPKOMP) DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH
DAN MENENGAH DI SABAH**

6. Kelulusan ini [KELULUSAN KEBENARAN MENGANJURKAN
PERTANDINGAN PENGATURCARAAN KOMPUTER (PPKOMP) DI SEKOLAH-
SEKOLAH TENDAH DAN MENENGAH DI SABAH] hanya untuk tujuan yang
dimohon sahaja dan luput selepas tarikh 17 Ogos 2021.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATUK DR. MISTIRINE BINTI RADIN
Pengarah Pendidikan Negeri Sabah